

20/01/2003

Syor SPR dipersetujui (HL)

Hassan Omar

ALOR STAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan setuju dengan cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mencegah kewujudan pengundi hantu dengan antara lain memberi kuasa kepada suruhanjaya itu memindahkan pengundi berdasarkan alamat kad pengenalan.

Namun, kata Perdana Menteri, kerajaan perlu meneliti kertas cadangan SPR itu sebelum meluluskannya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan bersetuju dengan cadangan yang bertujuan mencegah kegiatan pengundi hantu, sekali gus menjadikan pilihan raya umum atau kecil bersih daripada kegiatan penipuan parti yang ingin memenanginya.

"Okeylah, kalau nak cegah pengundi hantu. Kita setujulah," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan meneliti kertas cadangan itu, Dr Mahathir berkata: "Ya kita tengoklah (kertas cadangan)."

Dr Mahathir berkata demikian sejurus sebelum pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri menghadiri majlis penganugerahan darjah dan bintang kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang ke-75, di Istana Anak Bukit, di sini.

Pada istiadat itu, Perdana Menteri menerima anugerah Darjah Kerabat (DK) Kedah.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan akhbar New Straits Times (NST) semalam, bahawa SPR berusaha mendapatkan kebenaran Kabinet untuk diberikan kuasa memindahkan pengundi dari satu-satu kawasan berdasarkan alamat kad pengenalan mereka.

Pengerusi SPR, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, dilaporkan berkata kertas cadangan itu bersama cadangan mewajibkan parti politik mendaftar dengan SPR, sudah disiapkan dan akan dikemukakan kepada Kabinet, tidak lama lagi.

Setakat ini, SPR tidak mempunyai kuasa untuk memindahkan pengundi yang dibawa masuk ke satu-satu kawasan meskipun mereka tidak menetap di kawasan berkenaan.

Mengikut kertas cadangan itu, SPR akan meminta pengundi terbabit memberikan bukti bahawa mereka sememangnya layak mengundi di kawasan berkenaan sebelum tindakan memindahkan mereka diambil.

Semalam, Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Datuk Seri Dr

Lim Keng Yaik dilaporkan berkata, parti itu akan mencadangkan kepada Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) supaya pilihan raya umum diadakan hanya apabila SPR sudah membersihkan senarai daftar pemilih.

Masalah pengundi hantu dilaporkan turut berlaku ketika pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, di sini, Julai lalu yang dikatakan membabitkan pemindahan pengundi dari Parlimen Kubang Pasu ke DUN

Anak Bukit.

Pada pilihan raya kecil itu Pas mengekalkan kerusi di DUN Anak Bukit apabila calonnya, Amiruddin Hamzah menewaskan calon BN, Datuk Zakaria Said

dengan kelebihan 508 undi.

DI GENTING HIGHLANDS, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata jika SPR mempunyai sebab tertentu, kerajaan akan menimbangakan cadangan itu.

"Kita akan mengadakan perbincangan lebih mendalam dengan mereka (SPR) mengenai usul itu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan penutupan Kolokium Ke-Dua Wanita Pemadam 2003, semalam.

Beliau berkata, buat masa ini, kerajaan tidak dapat memberi sebarang kata putus memandangkan usul itu baru dalam peringkat cadangan.

"Yang pasti kerajaan mahukan satu peraturan dan undang-undang yang boleh

menjamin kewibawaan pilihan raya negara ini," katanya.

Ditanya sama ada baik bagi SPR memperluaskan kuasanya, Abdullah berkata:

"Mereka adalah pengawal selia, mereka juga menguatkuasa undang-undang dan

kita perlu berbincang dengan mereka."